

**NO. SOALAN: 26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9375**

**SOALAN:**

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menaik taraf Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Rantau Panjang, Kelantan yang merupakan pintu masuk utama sempadan Malaysia-Thailand yang sering mengalami kesesakan teruk apabila cuti sekolah.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Cadangan untuk menaik taraf Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Rantau Panjang, Kelantan telah dibangkitkan dalam Mesyuarat *Joint Development Strategy (JDS)* antara Kerajaan Malaysia dan Thailand pada 20 Februari 2012 dan seterusnya dibincangkan dalam Mesyuarat Kumpulan Kerja Infrastruktur dan Pengangkutan *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle*. Mesyuarat JDS pada 20 Februari 2012 bersetuju supaya *feasibility study* dibuat bagi penubuhan CIQ Rantau Panjang. Kerajaan telah melaksanakan *feasibility study* bagi meneliti cadangan pembinaan tersebut dan mengenal pasti tapak yang sesuai. Walau bagaimanapun, cadangan ini masih dalam pertimbangan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).**